

Mahkamah Rayuan The Hague tolak tuntutan Sulu

Keputusan kemenangan penting kepada Malaysia untuk tidak iktiraf Final Award

Kuala Lumpur: Mahkamah Rayuan The Hague di Belanda semalam menolak tuntutan lapan waris kumpulan Sulu untuk mengiktiraf Final Award sebanyak AS\$14.9 bilion (RM62.59 bilion) terhadap Malaysia yang dikatakan diperoleh melalui proses timbang tara pada Februari tahun lalu.

Dalam reaksi serta-merta susulan keputusan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keputusan Mahkamah Rayuan The Hague ini adalah satu lagi kemenangan penting kepada kerajaan Malaysia rentetan daripada keputusan Mahkamah Rayuan Paris pada 6 Jun 2023.

"Kerajaan Malaysia mengalu-alukan keputusan Mahkamah Rayuan The Hague yang memihak kepada Malaysia dengan menolak untuk mengiktiraf Final Award yang dikeluarkan melalui proses timbang tara yang tidak sah dan disalahgunakan pihak yang mendakwa sebagai waris kepada Kesultanan Sulu.

"Keputusan ini sekali gus menghalang apa-apa usaha oleh pihak yang menuntut untuk menguatkuasakan tuntutan mereka yang tidak sah terhadap Kerajaan Malaysia di Belanda," katanya dalam kenyataan petang semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin dengan keputusan ini sudah semakin hampir untuk membatalkan sepenuhnya Final Award yang tidak sah dan disalahgunakan oleh pihak yang menuntut hampir AS\$15 bilion yang dikeluarkan oleh penimbang tara Dr Gonzalo Stampa, sekali gus menjadikan tuntutan itu hanyalah sebagai sebahagian daripada sejarah.

"Malaysia percaya keputusan Mahkamah Rayuan The Hague pada hari ini (semalam), bersama-sama dengan keputusan Mahkamah Rayuan Paris baru-baru ini (6 Jun lalu) akan menamatkan usaha sia-sia pihak



Kompleks mahkamah The Hague di Belanda

menuntut untuk menguatkuasakan Final Award di negara-negara lain.

"Sehingga kini, kerajaan Malaysia tidak pernah berhenti dalam usaha untuk melindungi kedaulatan, keselamatan negara dan kepentingan negara. Kes Sulu ini membuktikan bahawa terdapat pencabulan yang nyata terhadap kekebalan kedaulatan Malaysia yang merupakan suatu perkara penting bagi setiap warga negara Malaysia MADANI," katanya.

Perdana Menteri turut merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Sekretariat Khas yang juga Menteri Undang-Undang & Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman; Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan semua kementerian, agensi, termasuk peguam antarabangsa serta semua pihak yang terbabit dalam usaha itu.

Anwar menegaskan kerajaan akan meneruskan usaha melalui apa jua cara bagi menentang eksploitasi dan penyalahgunaan sistem timbang tara antarabangsa, termasuk mengambil tindakan yang perlu bagi mendapatkan kembali segala kos perundangan dari sumber kewangan negara yang terpaksa dibelanjakan menangani tuntutan ini.

"Kerajaan Malaysia yakin bahawa ia dapat menegakkan keadilan bagi seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu ketika ditemui pemberita di ibu negara Laos,

Perdana Menteri menambah: "Alhamdulillah kita menang. Malaysia berjaya menamatkan satu episod yang tidak baik pihak yang mencabar kedaulatan negara."

Pada 6 Jun lalu, Mahkamah Rayuan Perancis mengekalkan keputusan menolak penguatkuasaan 'Partial Award' kepada kumpulan Sulu yang sebelum itu diputuskan Dr Stampa.

Pada 14 Jun, Anwar berkata, keputusan Mahkamah Rayuan Perancis adalah kejayaan penting dan signifikan bagi Malaysia.

Final award itu dikeluarkan oleh penimbang tara Sepanyol, Dr Gonzalo Stampa pada 2022 kepada lapan individu yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu.

Dalam usaha mereka untuk menguatkuasakan final award itu, kumpulan Sulu cuba merampas aset syarikat minyak Malaysia, Petronas di Luxembourg, aset di Belanda dan juga menyasarkan aset diplomatik Malaysia di Perancis.

Azalina dalam kenyataannya sebelum ini berkata, keputusan Mahkamah Rayuan Perancis pada 6 Jun bermakna penuntut tidak boleh bergantung kepada award yang diputuskan di negara itu untuk sebarang tujuan.

"Mahkamah Rayuan Paris juga mendapati penimbang tara (Stampa) telah terkhalaf dalam melaksanakan bidang kuasanya. Keputusan itu muktamad serta mengikat, adalah satu kemenangan yang nyata buat Malaysia dalam perjuangannya untuk mendapatkan remedi dari segi perundangan dan Malaysia yakin penuntut serta pembiaya mereka akan kalah," katanya.